

**POLITIK CINA  
DALAM PILIHAN RAYA SARAWAK 2001**

**HAZALI MAYUDIN  
dan  
NIDZAM SULAIMAN**

**Pengenalan**

Masyarakat Cina merupakan aktor yang sangat penting dalam politik Malaysia. Meskipun tidak tergolong dalam kategori pribumi mereka memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi perkembangan politik negara. Mereka membentuk parti utama di dalam BN pusat seperti kehadiran MCA dan Gerakan. Barisan Nasional di bawah teraju Gerakan mendominasi politik Pulau Pinang. Sokongan mereka sangat mempengaruhi politik negeri Sabah. Kini sudah dua Ketua Menteri dari parti dominasi Cina menguasai kerajaan Sabah sejak dekad lalu.

Mereka juga telah melahirkan berbagai tuntutan sosial, ekonomi dan politik yang kemudian banyak mempengaruhi perkembangan dasar dan keputusan kerajaan. Di samping itu tidak dapat dinafikan sumbangan mereka dalam sektor ekonomi juga adalah amat besar dan sangat mempengaruhi berbagai keputusan dan dasar ekonomi negara. Sehingga kini peranan dan kedudukan mereka masih penting dan tidak harus di pinggir di dalam membincangkan perkembangan politik Malaysia amnya apatah lagi di Sarawak khususnya.

Penduduk Cina membentuk komponen yang besar dalam masyarakat Sarawak. Ia membentuk hampir 28 peratus dari jumlah penduduk negeri ini dengan bilangan melebihi setengah juta. Peratusan ini tidak banyak berbeza dengan etnik terbesar Iban (dalam maksud pluraliti - bukan majoriti) yang membentuk sekitar 29 peratus dari jumlah penduduk.

Dengan berlatarbelakangkan struktur masyarakat yang ketara terbahagi seperti di bawah maka peratusan komponen etnik Cina ini ternyata bukan merupakan komposisi yang kecil. Ia sangat besar dan sangat signifikan di dalam proses mewarnai perkembangan politik Sarawak.

Jadual 1. Komposisi Penduduk Sarawak Tahun 2000

Suku Kaum	Jumlah ('000)	Peratus
Iban	584.5	29.2
Cina	551.5	27.6
Melayu	446.6	22.2
Bidayuh	167.5	8.4
Melanau	114.7	5.7
Bumiputera lain	119.1	6.0
Lain-Lain	19.0	0.9
Jumlah	2001.1	100.0

Sumber: *Siaran Perangkaan Bulanan Sarawak Jun 2000.*

Walaupun sejarah memperlihatkan kehadiran orang Cina ke Sarawak adalah menjadi buruh dan kemudian melibatkan diri dalam pertanian, namun kini kedudukan ekonomi ini sudah banyak berubah. Seperti di kebanyakan negeri lain di Malaysia, penduduk Cina melibatkan diri dalam sektor penting ekonomi negara khususnya dalam perniagaan, perdagangan antarabangsa, sektor perbankan, saham dan pelaburan serta sektor pembinaan dan kejuruteraan yang besar.

Struktur dalaman masyarakat Cina sebenarnya turut bersifat rencam dengan suku Hakka dan Foochow membentuk komposisi terbesar melebihi 32 peratus dari keseluruhan masyarakat Cina. Bagaimanapun kehadiran suku lain tidak juga sedikit bilangannya seperti Hokkien, Teochew dan Kantonis. Pada abad ke-21 ini perbezaan kesukuan dalam masyarakat Cina Sarawak ini tidak lagi memberi sebarang impak kepada politik negeri amnya dan politik Cina khususnya di Sarawak ini. Rata-rata mereka masih bersatu dan kukuh berada di belakang parti dominasi Cina SUPP.

Sejak tahun 1970 apabila menyertai kerajaan campuran, peranan politik masyarakat Cina adalah penting dan sangat berpengaruh di Sarawak. Sokongan padu yang diberi kepada SUPP telah memberi sumbangan besar kepada kerajaan BN. Sejak penyertaan ini kerajaan BN menjadi satu kerajaan yang kuat, selalu mendapat majoriti lebih dua pertiga kerusi dewan. Krisis Ming Court yang berlaku di dalam tahun 1987 nyaris menjatuhkan kerajaan BN Sarawak. Apa yang nyata dalam kes ini ialah sokongan SUPP adalah solid di belakang Taib Mahmud sedangkan ramai sekali ADUN dari kelompok Iban dan Melayu-Melanau cuba berpaling tadah. Adalah tidak keterlaluan jika dinyatakan bahawa SUPP dan sokongan ADUN Cina yang telah menyelamatkan BN pada waktu ini. Sehingga kini peranan mereka masih signifikan dan dapat dianggap sebagai penyokong kuat kepada BN Sarawak.

## Latar Belakang Politik Cina Sarawak

Politik orang Cina Sarawak secara berparti bermula dengan penubuhan Sarawak United Peoples' Party atau SUPP pada tahun 1959 di bawah pimpinan Ong Kee Hui. Malah SUPP merupakan parti pertama ditubuhkan di Sarawak, lebih awal mendahului pembentukan parti pribumi.<sup>2</sup> Di kalangan orang Cina pula, tokoh awal yang memimpin parti ini terdiri dari golongan feodal kebanyakannya terdiri dari anggota suku Hakka dari Kuching dan suku Foochow dari Sibu.<sup>3</sup> Segmentasi kesukuan di peringkat awal ini sudah membayangkan segregasi dan persaingan dalaman masyarakat Cina Sarawak. Namun tidak lama kemudian parti ini secara beransur-ansur menjadi dominasi masyarakat Cina apabila ia gagal mempertahankan sifat kepelbagaian kaumnya. Dewasa ini, parti ini secara jelas lebih banyak diidentifikasi sebagai parti penduduk Cina meskipun dasar dan perlembagaannya bebas dari bersifat perkauman.

Perkembangan politik masyarakat Cina pada tahun 1960an agak dinamik, apabila pada tahun 1962 muncul pula Sarawak Chinese Association atau SCA, dipimpin oleh William Tan, sebuah lagi parti yang bergerak khusus untuk kepentingan kaum ini. Meskipun ia terbuka kepada masyarakat Cina namun pada peringkat awal parti ini lebih didominasi oleh suku Foochow. Justeru parti ini lebih dikenali sebagai parti golongan *towkay* atau elit Cina apatah lagi apabila ia sering dikaitkan sebagai 'cawangan' MCA di Sarawak.<sup>4</sup> Kewujudan SCA dapat dianggap sebagai saingan kepada SUPP dan ini mendesak parti ini supaya lebih cenderung kepada perjuangan kepentingan masyarakat Cina, tanpa kecenderungan ini SCA akan mengambil kesempatan politik.

Bagaimanapun peringkat awal politik berparti di Sarawak memperlihatkan SUPP berada di pihak pembangkang. Ia enggan menyertai gabungan parti kerajaan atau Perikatan Negeri Sarawak. Parti ini lebih banyak menyuarakan isu yang bersifat *anti-establishment*, tidak menyenangi ide gagasan Malaysia serta sering dikaitkan dengan gerakan komunis.<sup>5</sup> Meskipun demikian parti ini berupaya mendapat sokongan yang tinggi khususnya dari kalangan penduduk Cina Sarawak. Walaupun menjadi pembangkang, parti ini tetap memiliki sebilangan kerusi di Dewan Undangan Negeri. Pada 5 Julai, 1970, Perikatan Negeri Sarawak Pimpinan Abdul Rahman Yaakub membentuk kerajaan campuran dengan SUPP, maka bermulalah perjuangan parti ini di dalam barisan pemerintahan. Ternyata kebijaksanaan Abdul Rahman Yaakub dalam membujuk dan berunding dengan barisan kepimpinan SUPP berperanan besar dalam pembentukan gabungan ini. Dengan kedudukan ini populariti SUPP menjadi semakin dominan dan pengundi Cina kelihatan lebih yakin dengan parti ini. Ia sentiasa

menjadi pilihan pengundi Cina dalam pilihanraya sejak tahun 1970. Sebaliknya dengan penyertaan SUPP ke dalam Perikatan ini SCA telah gagal menyaingi kekuatan SUPP dan secara beransur-ansur menjadi semakin lemah. Parti ini akhirnya dibubarkan pada tahun 1974 meninggalkan SUPP sebagai pejuang masyarakat Cina secara eksklusif (Chin 1996). Orang Cina pada peringkat ini dapat dianggap sudah bersatu di dalam sebuah parti yang kukuh lagi berhubung rapat dengan kerajaan negeri dan pusat.

Memandangkan SUPP berada di dalam kerajaan campuran ini atau kemudiannya Barisan Nasional Sarawak (BN), pengundi Cina juga sanggup mengundi parti komponen BN yang lain dalam pilihanraya seperti PBB atau SNAP sebagai lambang sokongannya kepada SUPP (seperti juga yang diamalkan oleh pengundi penyokong komponen BN yang lain). Dengan kerjasama ini BN di Sarawak menjadi semakin kuat apabila pelbagai kaum menerimanya sebagai parti yang memperjuangkan kaum mereka meskipun kemungkinan wakil rakyatnya bukan dari parti komponen yang didokong.

### **Kehadiran DAP**

Pada tahun 1978 DAP muncul di Sarawak dan kemudian mula bertanding dalam Pilihanraya Negeri 1979.<sup>6</sup> Dalam pilihanraya ini ternyata DAP ditolak oleh pengundi Sarawak apabila ia tewas dalam semua kerusi yang dipertandingkan.<sup>7</sup> Berbagai faktor dikaitkan dengan kemunculan DAP di negeri ini. Ada yang menyatakan kerana di dalam SUPP sendiri telah wujud krisis dan krisis tersebut menyebabkan segelintir pemimpin keluar lalu membentuk DAP di Sarawak. Ada juga yang mendakwa terdapat campur tangan pemimpin atasan yang merancang kemasukan DAP ini sebagai langkah pecah dan perintah untuk mengimbangi kekuasaan politik masyarakat Cina (Awang Raduan 1994: 56). Walau apa pun, dengan kemunculan ini kedudukan pengundi Cina mula terbahagi. Bagaimanapun sejarah telah memperlihatkan betapa DAP menghadapi kesukaran untuk mendapat tempat di peringkat negeri, kecuali hanya dalam tahun 1996 ia berjaya mendapat tiga kerusi di Pelawan, Kidurong dan Bukit Assek.<sup>8</sup> Kalau dahulu SUPP memiliki sokongan pengundi Cina yang agak *solid*, mulai pada tahun 1982, DAP sudah mula mendapat kedudukan apabila dua calonnya yang bertanding dalam pilihanraya umum di Sarawak terpilih ke Parlimen. Bagaimanapun DAP terpaksa menunggu 18 tahun kemudian untuk berada di dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Kedudukan ini sebenarnya hanya untuk peringkat negeri. Di peringkat Parlimen DAP telah mendapat kerusi dalam pilihanraya 1982 dan seterusnya memiliki paling kurang sebuah kerusi Parlimen. Pada

pilihanraya 2001 yang lalu di mana secara keseluruhannya pengundi Cina turut berubah DAP telah turut mengalami kemerosotan dan telah kehilangan beberapa kerusi yang berjaya dirampas oleh SUPP.

### **Pilihanraya 2001**

Pilihanraya di Malaysia memberi kebebasan kepada rakyat untuk mengundi parti atau calon yang disukai, tetapi realitinya tidak wujud persaingan yang adil dan seimbang di antara parti yang berkuasa dengan pembangkang. BN mempunyai banyak kemudahan dan kelebihan yang boleh digunakan semasa pilihanraya. Media massa, cetak dan elektronik, dan jentera kerajaan memainkan peranan untuk mempromosikan parti pemerintah dan pencapaiannya terutamanya dalam tempoh berkempen semasa pilihanraya. Kegiatan dan program yang dibuat atas nama jabatan dan kementerian membolehkan pihak berkenaan menggunakan acara itu untuk menyampaikan mesej parti kepada rakyat. Sebaliknya pula parti pembangkang tidak mempunyai segala kelebihan di atas.

Tempoh yang dibenarkan bagi mereka mengadakan ceramah ialah dalam tempoh berkempen iaitu selepas penamaan calon sehingga menjelang hari pengundian. Akhir-akhir ini tempoh yang dibenarkan itu semakin singkat iaitu sekitar sepuluh hari. Dalam keadaan persaingan yang tidak seimbang itu, maka amatlah sukar bagi parti pembangkang untuk memberikan saingan sengit apatah lagi menggugat kedudukan BN. Memang tidak dinafikan bahawa pembangkang boleh dan pernah menang dalam pilihanraya tetapi kemenangan itu umumnya disebabkan oleh dua faktor.

*Pertama*, rakyat sangat tidak puas hati dengan parti pemerintah seperti pemilihan calon yang tidak tepat, janji yang tidak ditunaikan serta prestasi kerajaan dan wakil rakyat yang tidak memuaskan dalam berbagai bidang. Faktor kedua berkaitan dengan populariti calon parti pembangkang. Tanpa kedua faktor ini, pengundi tidak mempunyai alasan kuat untuk menukar wakil rakyat dan kerajaan, sebaliknya mengekalkan pemerintah yang sedia ada.

Dalam menghadapi pilihanraya 2001 banyak jangkaan yang meramal tarikh pilihanraya ini meleset. Ada yang meramalkannya pada bulan Oktober-November 2000, ada juga yang menyatakan pada bulan Mei 2001 tetapi nampaknya Ketua Menteri memanfaatkan hampir sepenuh tempuh yang ada dalam penggal hingga bulan September 2001 (tinggal dua bulan sahaja sebelum tamat tempoh lima tahun pemerintahan).

Pilihanraya Sarawak ini tidak dilaksanakan selari dengan pilihanraya nasional pada tahun 1999 kerana sejak sebelum ini ia telah

diadakan lewat dari negeri lain pada tahun 1996 (negeri lain mengadakan pilihanraya pada Mei 1995). Apabila Pilihanraya Umum telah diadakan pada 1999 keputusannya sangat mempengaruhi pengundian pada 2001 di Sarawak yang telah diadakan tidak lama kemudian. Keputusan pilihanraya 1999 menjelmakan gambaran sokongan pengundi yang padu kepada BN, dan ini tidak terkecuali kepada BN Sarawak dalam tahun 2001 ini. BN berupaya mendapat kemenangan besar malah dapat merampas beberapa kerusi dari pembangkang.

Dalam pilihanraya 2001 ini BN hanya tewas dua kerusi, satu di tangan DAP dan satu di tangan bebas. Pada Pilihanraya Umum 1999 Sarawak sebenarnya telah mengadakan juga pemilihan bagi peringkat kerusi Parlimen dan dalam pemilihan ini kesemua calon BN mendapat sokongan. Dengan itu keputusan di peringkat Parlimen ini serta gambaran yang diberi di Semenanjung telah banyak sekali mempengaruhi pengundi Cina di Sarawak ini. BN dianggap pilihan terbaik bagi masyarakat Cina.

Meskipun demikian penyokong pembangkang tetap berusaha dan merasakan malah mengharapkan perubahan trend pengundian akan berlaku. Mereka mengharapkan orang ramai sudah merasakan kali ini menjadi saat terbaik untuk melakukan perubahan pemerintahan. Mereka merasakan BN dan Ketua Menteri telah terlalu lama berkuasa dan ini tidak harus dibiarkan. DAP yang sentiasa memainkan peranan pembangkang yang konsisten di semenanjung tetap meneruskan perjuangannya - mendakwa bagi mewakili kepentingan semua tetapi kelihatan lebih menonjol di kawasan penduduk Cina.

Persaingan SUPP-DAP dalam pilihanraya DUN 2001 akan cuba dilihat dalam konteks di atas. Sebagaimana yang akan dilihat nanti, pembangunan yang dibawa kerajaan dan kurangnya 'masalah' yang ditimbulkan wakil rakyat BN menyukarkan calon DAP meyakinkan pengundi agar memilih mereka. Pengeksploitasian isu yang berkaitan agama, dalam dan luar negara, tambah merumitkan lagi usaha pembangkang untuk mendapatkan sokongan rakyat.

Sebenarnya terdapat beberapa isu lain yang menarik yang boleh menarik perhatian ramai, tambahan jika tidak ditangani dengan baik oleh BN. Isu tanah, isu kronisme dan isu reformasi adalah antara yang utama. Bagaimanapun isu ini kelihatan gagal menarik sokongan ramai apabila beberapa langkah menjelaskannya dibuat segera oleh BN – seperti menggunakan media bagi menjelaskan isu tanah dengan menunjukkan upacara penyerahan geran atau *title* kepada penduduk kawasan tertentu. Orang ramai sebenarnya masih tidak begitu jelas mengenai isu-isu ini dengan mendalam. Mereka dengan itu mudah di'bersih' semula dengan penjelasan yang diutarakan media tempatan.

## **Kawasan yang ditandingi SUPP dan DAP**

Walaupun SUPP dan DAP adalah parti berbilang kaum, tetapi kedua-dua parti itu dianggap sebagai mewakili dan memperjuangkan kepentingan orang Cina. Oleh itu persaingan untuk mendapatkan sokongan dan menjadi wakil kepada orang Cina pada umumnya melibatkan kedua-dua parti tersebut.

Dalam pilihanraya ke-8, SUPP mendapat 17 kawasan yang sama sebagaimana pilihanraya 1996. Daripada 17 kawasan itu, 12 adalah majoriti Cina, tiga campuran, satu majoriti Bidayuh dan satu lagi majoriti Iban. DAP pula meletakkan 11 orang calon, 10 di kawasan majoriti Cina dan satu lagi kawasan campuran iaitu N1 Tanjung Datu. Dalam satu lagi kawasan Cina iaitu N11 Batu Kawah, calon SUPP telah menang tanpa bertanding.

## **Keputusan**

Pilihanraya ke-8 menunjukkan bahawa masyarakat Cina memberi sokongan padu kepada SUPP dan menolak DAP. Undi yang diperolehi oleh SUPP meningkat dalam semua kawasan yang ditandinginya. Di N42 Pelawan misalnya, peningkatan itu adalah 117% iaitu dari 6,848 undi dalam pilihanraya 1996 kepada 14,129 dalam pilihanraya 2001. Bagi DAP pula, undi yang diperolehi parti itu merosot dalam empat daripada enam kawasan yang ditandinginya dalam pilihanraya 1996 dan 2001 iaitu di N39 Bukit Assek, N41 Bawang Assan, N42 Pelawan dan N56 Piasau. BN bukan sahaja berjaya merampas semula dua kawasan yang terlepas ke tangan DAP dalam pilihanraya 1996 iaitu Bukit Assek dan Pelawan tetapi juga telah berjaya meningkatkan majoriti dalam semua kawasan yang dimenangnya kecuali N8 Padungan.

## **Analisis: Kuasa Tawar Menawar dan Konstruksi Persepsi Pengundi Cina**

Dalam kerajaan campuran Sarawak, SUPP mewakili kepentingan orang Cina. Sokongan yang diperolehinya banyak bergantung kepada sejauh mana parti itu berjaya memenuhi harapan dan tuntutan kaum tersebut. SUPP yang kuat dan mempunyai ramai wakil dalam DUN berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk memenuhi tuntutan tersebut. Dalam konteks politik BN, parti yang kuat juga mempunyai kedudukan yang kuat untuk memperjuangkan kepentingan kaum yang diwakili dalam politik tawar menawar parti gadingan itu. Sebaliknya pula, lebih ramai wakil pembangkang dalam DUN mungkin akan mengurangkan kuasa tawar

menawar SUPP dalam usahanya menjaga dan memperjuangkan kepentingan orang Cina di Sarawak. Apatah lagi kalau parti pembangkang itu dianggap asing iaitu parti Semenanjung yang tidak sepenuhnya memahami aspirasi masyarakat tempatan.

Umumnya identifikasi kepada parti memainkan peranan dalam menentukan pilihan yang dibuat oleh sebahagian pengundi baik dari kaum mana sekalipun dalam menentukan pilihan mereka. Inilah trend yang utama bagi pengundi Malaysia. Walau bagaimanapun berdasarkan perbezaan undi yang diperolehi dari satu pilihanraya kepada pilihanraya yang lain, pengundi Cina kelihatan lebih bersedia untuk mengambil kira faktor selain kesetiaan kepada parti seperti calon, isu, prestasi wakil rakyat yang sedia ada serta dasar kerajaan.

Ringkasnya, pengundian dan calon mana yang akan dipilih berdasarkan kepada faedah yang diperolehi atau dijangka akan diperolehi oleh pengundi dan komuniti mereka. Oleh yang demikian tidak menghairankan kalau mereka memilih beberapa calon DAP dalam pilihanraya 1996, tetapi memilih semula calon SUPP dalam tahun 2001 (merujuk kepada kawasan DUN Bukit Asek dan Pelawan). Malahan sekali-sekala memilih calon pembangkang mungkin memberi manfaat yang lebih kerana usaha pembangunan dan memenangi hati mereka akan dipertingkatkan oleh BN dengan tujuan untuk merampas kembali kawasan berkenaan.

Sehubungan itu, prestasi, khidmat dan sumbangan wakil rakyat kepada kawasan dan penduduk tempatan adalah penting dalam perkiraan pengundi sama ada memilih parti yang sama atau tidak. Dalam banyak hal pengundi Cina kelihatan lebih kalkulatif namun tidak juga terlalu spekulatif. Mereka lebih memikirkan kesan yang lebih selamat dan menguntungkan. Pun demikian tidak juga terlalu Machiavellian kelak ia boleh merugikan. Mereka tidak gemar kepada risiko yang tinggi di dalam politik kerana bimbang kesan negatif dalam jangka waktu yang panjang.

Di samping kelebihan dan kekuatan yang ada pada SUPP dibandingkan dengan lawannya, DAP, perkembangan dan peristiwa dalam dan luar negara menjelang pilihanraya 2001 juga memudahkan usaha SUPP untuk meyakinkan pengundi agar terus menyokong parti tersebut. Peristiwa 11 September 2001 yang diulang tayang memberi kesan psikologi kepada masyarakat Cina tentang tahap pengorbanan dan kemusnahan yang sanggup dilakukan oleh golongan yang dicap sebagai pengganas itu.

Dalam konteks politik kepartian di Malaysia, politik jalanan dan keganasan seakan-akan telah disinonimkan dengan parti pembangkang. DAP pula pernah menganggotai Barisan Alternatif yang di dalamnya termasuk PAS yang dikaitkan dengan usaha menubuhkan negara Islam



dan gerakan militan. Lebih teruk lagi langkah DAP yang keluar dari Barisan Alternatif menjelang hari pengundian dengan mudah ditafsirkan sebagai strategi untuk meraih undi tetapi memberi kesan negatif apabila ia lebih menonjolkan betapa Barisan Alternatif ini tidak realistik, rapuh dan sarat dengan konflik. Apa yang menyedihkan ialah isu utama mendasari kepada perpecahan itu ialah persoalan mengenai negara Islam, suatu isu yang sensasi tetapi sebenarnya agak sensitif. Walaupun kebanyakan orang Cina tidak sepenuhnya mendalami pengetahuan mengenai agama Islam namun sentimen ini sudah cukup untuk mereka merasa bimbang dari segi keselamatan dan merasakan ia akan menggugat kebebasan perniagaan dan pengumpulan harta kekayaan. Walaupun ini hanya sentimen ia telah dijelmakan dalam bentuk undi yang menolak konsep negara Islam tersebut. Usaha untuk menjelaskan dan merasionalkan tindakan mereka nampaknya tidak memberi kesan sebagaimana yang diharapkan.

Sebaliknya SUPP dan parti BN lain tidak henti-henti dengan elemen *patronizing* dengan menonjolkan faedah yang diperolehi dari kerajaan BN untuk kepentingan masyarakat Cina seperti pembukaan UTAR, penubuhan berbagai kolej dan universiti swasta, pemberian kontrak, tender dan berbagai bantuan lain dan kebebasan yang tinggi dalam pelaburan dan perdagangan bagi mengumpul kekayaan. Dalam masa ini juga pembangkang yang wujud tidak upaya memperlihatkan jentera dan kepimpinan yang lebih meyakinkan. Ia masih gagal menjadi barisan alternatif yang realistik dalam maksud menjadikan sistem parti di negara ini kepada Sistem Dua Parti kerana kelemahan pakatannya.

Pandangan ini kelihatan lebih bersifat makro kerana tidak banyak perubahan struktural dalam trend pengundian masyarakat Cina Sarawak untuk perbincangan mikro dibuat. Secara kebetulan banyak perkara luaran yang berlaku di sekeliling Sarawak dalam sedekad ini yang difikirkan signifikan dalam mempengaruhi pengundian dalam pilihanraya negeri ini.

### **Perubahan dan Kematangan Politik**

Dari satu sudut perubahan politik atau perubahan pemerintahan adalah satu bentuk perjudian kepada rakyatnya. Dari sudut yang lain ia boleh disifatkan sebagai lambang pembangunan atau kematangan politik masyarakat tersebut. Masyarakat yang statik dengan satu pemerintahan atau tidak mengalami sebaran perubahan kepimpinan dan kesedaran - dalam sains politik dapat dianggap sebagai statik, tidak membangun, monolitik atau tidak matang. Mungkin ekonomi masyarakat itu maju dan berkembang tetapi politiknya statik. Lihat negara tradisional Arab atau beberapa negara jiran. Pembangunan ekonominya kelihatan pesat

meningkat namun ia tidak disusuli dengan perkembangan politik.

Namun seperti yang dinyatakan di atas, perubahan ini tidak dapat lari dari satu bentuk perjudian. Kebetulan perkembangan di Jepun, Korea Selatan, Taiwan, sedikit sebanyak Thailand dan Mexico telah memperlihatkan perubahan politik yang diiringi dengan perubahan ekonomi tetapi di Indonesia keadaannya tidak demikian. Rejim Suharto dibenci kerana penindasannya, amalan KKN nya, penyekatan demokrasi serta kekejaman kepada masyarakat minoriti. Beliau akhirnya didesak berundur. Kebangkitan Reformasi di Indonesia oleh pelajar serta orang ramai kemudian mendesak penubuhan kerajaan baru yang lebih telus, bertanggungjawab dan bersih.

Kini sejak 1997, Suharto sudah beberapa tahun dijatuhkan namun perubahan dalam politik yang menyeluruh tidak dapat berlaku dalam sekelip mata. Masyarakat masih berpecah belah dan ekonomi Indonesia pasca-Suharto masih tidak stabil, sebaliknya semakin menurun. Kedudukan kewangan Indonesia turun naik. Keadaan di Timor-Timur, Aceh dan Irian Jaya menampakkan pertumpahan darah. Tentera masih menjadi dalang dalam pelbagai hal. Kedua-dua Presiden yang menggantikannya, Habibie dan Gus Dur hanya bertahan satu-dua tahun, tidak mencukupi penggal pemerintahan. Megawati kini juga kelihatan sangat tidak meyakinkan untuk duduk lama di kerusi Presiden. Beliau dipilih bukan kerana menjadi pilihan tetapi tiada pilihan lain.

Senario ini semua ini diperhatikan dengan teliti oleh masyarakat Cina di Malaysia khususnya dan penduduk bukan Melayu amnya. Reformasi di Indonesia membawa kepada keganasan dan penderaan kepada masyarakat minoriti Cina. Dengan itu perubahan kepada satu kerajaan baru adalah pilihan yang paling terakhir dalam kamus masyarakat Cina Sarawak ini dan Malaysia amnya. Ia dilihat umpama mengundang bencana atau melihat kerugian dalam perjudian. Perjudian yang mungkin memberi untung hanya sekarang tetapi ruginya seguni.

Semua ini menjadi latar belakang kepada pilihanraya Sarawak 2001 dan pilihanraya Umum 1999 lalu. Dalam suasana sebegini pengundi Cina tidak akan berani mengambil risiko. Belum selesai peristiwa di Indonesia tragedi 11 September pula meletus. Walaupun angkara siapa sebenarnya masih tidak dapat dipastikan media barat tidak berhenti mendakwa ia merupakan perbuatan pengganas Islam. Konstruksi barat ini walaupun boleh diperdebatkan ia bagaimanapun meresap ke dalam pemikiran orang ramai khususnya mereka yang secara kebetulan sedang menghadapi saingan dengan orang Islam.

## **Kesimpulan**

Sebenarnya perubahan trend pengundian penduduk Cina di Malaysia adalah aneh berbanding dengan masyarakat lain. Dalam dunia sedang membangun unsur globalisasi, liberalisasi serta pendemokrasian kelihatan melanda dunia dengan lebih pesat setelah dicetuskan oleh unsur *Glassnosts* dan *Peresteroika* oleh Kesatuan Soviet pada awal tahun 1990an. Soviet dan blok timur amnya serta banyak sekali negara sedang membangun berubah menjadi lebih liberal. Perkembangan di Taiwan, Mexico, Filipina, Thailand, India dan lain-lain negara di Asia memperlihatkan kecenderungan ini. Namun ini tidak berlaku di Malaysia dan Sarawak khususnya (juga Singapura yang kekal seperti dahulu, cuma pembangunan ekonominya yang sangat menggalakkan).

Penduduk Cina di Malaysia memerhatikan perkara ini dari dekat. Lalu memikirkan betapa keselamatan, kestabilan dan pembangunan ekonomi adalah lebih utama dari memilih pembangunan politik yang tidak dapat dipastikan pula benar-benar menguntungkan. Dengan itu status quo yang sedia ada tidak mahu dirungkai malah ia diperkukuhkan. BN harus menerima ini dengan penuh tanggung jawab untuk menjadi lebih telus, adil dan saksama manakala pembangkang harus menerima ini dengan melihat apa kekurangan mereka untuk diperbetul.

Sebenarnya dalam keadaan yang sangat berpecah pengundi Cina berupaya untuk menjadi *king maker* atau penentu dalam politik Sarawak seperti juga di Sabah. Apabila trend pengundian mereka *solid* dalam satu pihak maka pilihan mereka adalah signifikan. Semasa SUPP berada di luar kerajaan dekad 1960an dahulu, kerajaan negeri kelihatan kucar kacir. Hanya setelah kerajaan campuran pimpinan Abdul Rahman Yaakub dibuat pada tahun 1970 keadaan kembali stabil hingga ke hari ini. Apa yang pasti sehingga ke hari ini, pengundi Cina menggunakan kedudukan ini untuk memelihara kepentingan masyarakat mereka. Bagi pengundi Cina Sarawak, perubahan kerajaan bukan menjadi isu, jawatan Ketua Menteri juga bukan menjadi isu. Dengan pandangan yang realistik mereka melihat pemeliharaan kepentingan, keselamatan dan kebebasan dalam perniagaan serta survival generasi muda nanti yang menjadi isu, bukan kedudukan dan pangkat yang semata-mata lebih bersifat simbolik dan retorik.

## NOTA AKHIR

<sup>1</sup> Kertas dibentang dalam *Seventh Biennial Borneo Research Council Conference* di Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu pada 15 – 18 Julai 2002, anjuran UMS dan Borneo Research Council. Rakaman setinggi penghargaan kepada UKM yang memberi pembiayaan bagi menjalankan penyelidikan dan memungkinkan pembentangan ini.

<sup>2</sup> Parti ini bagaimanapun pada peringkat awal tidak begitu tertumpu kepada masyarakat Cina baik dari segi keahlian, kepimpinan mahupun dasar serta pelaksanaan. Terdapat sebilangan ahli yang agak besar dari kaum Melayu, Iban, Bidayuh mahupun suku kaum lain. Lihat Leigh (1988), Chin (1996) untuk keterangan lanjut.

<sup>3</sup> Kehadiran orang Cina di Sarawak sudah bermula sejak dari zaman penjajahan lagi. Bagaimanapun jumlahnya menjadi semakin bertambah ramai sebaik sahaja Perang Dunia Kedua tamat. Pada dekad 1960an anggaran bilangan penduduk Cina Sarawak adalah seramai 229,154 orang tetapi sedekad kemudian ia naik mendadak kepada 294,000 dan pada masa ini suku Hakka merupakan golongan terbanyak. Sementara itu dalam dekad 1980an pula menjadi 385,2000 orang dan komposisi kesukuannya pula berubah kepada dominasi suku Foochow yang telah mengatasi Hakka (Tien & Yao 1992: 57).

<sup>4</sup> Walaupun ramai menganggap SCA adalah seumpama cawangan atau setidak-tidaknya berhubungan dengan MCA dari tanah semenanjung namun terdapat juga pemimpin yang menolak dakwaan ini. Dalam satu kajian ilmiah mengenai SUPP seorang pemimpin Cina, Sim Kheng Hui dengan tegas telah menafikan hubungan ini dan mendakwa SCA tidak mempunyai sebarang pertalian dengan MCA (Chong Chai Hun 2000).

<sup>5</sup> Lihat umpama bahagian awal tulisan Chin (1996) yang memberi gambaran komprehensif sifat politik orang Cina di Sarawak sebelum merdeka. Mereka dikaitkan dengan gerakan komunis, membantu gerakan bawah tanah serta berhubung rapat dengan pertubuhan sulit seperti TNKU atau Tentera Nasional Kalimantan Utara.

<sup>6</sup> Parti ini sebenarnya telah ditubuhkan pada tahun 1966 setelah PAP yang berpusat di Singapura keluar dari Malaysia. Meskipun telah lama bertapak di Semenanjung ia hanya menapak di Sarawak pada tahun 1978 ini.

<sup>7</sup> Ia bagaimanapun berjaya memperoleh 31% jumlah undi popular. Ini menunjukkan terdapat sebahagian penduduk Sarawak yang tidak begitu kecil bilangannya boleh menerima DAP. Sokongan ini merebak kemudian khususnya dalam pilihanraya 1996 apabila ia berjaya mendapat tiga kerusi penting.

<sup>8</sup> Apa yang menarik, pilihanraya kali ini menyaksikan kejatuhan pemimpin kanan BN seperti Wong Soon Kai, Presiden SUPP yang menjadi timbalan ketua menteri. Beliau tewas di tangan calon DAP.